

Lif Perumahan Awam Desa Rejang rosak 16 hari

JKKP buat pemeriksaan untuk kelulusan permit minggu ini

DBKL minta kerjasama penduduk dalam usaha selesaikan isu

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) akan membuat pemeriksaan untuk kelulusan Permit Mesin Angkut (PMA) ke atas satu unit lif di Blok D Perumahan Awam (PA) Desa Rejang, Kuala Lumpur minggu ini.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), memaklumkan perkara itu akan dibuat selepas prapemeriksaan dilaksanakan dan tertakluk kepada kelulusan *Permit To Install*

Penduduk PPR kecewa lif rosak belum dibaiki



Keratan akhbar BH, kelmarin.

(PTI) lif berkenaan.

“Berikutan kejadian lif overshoot yang berlaku baru-baru ini, JKKP sudah membuat pemeriksaan di tapak pada 18 Disember lalu dan mengarahkan dua unit lif di Blok D ditutup dan satu unit lif dalam pelaksanaan penggantian.

“Situasi ini menyebabkan Blok D tidak mempunyai lif untuk kegunaan penduduk sehingga ke tarikh ini,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

BH sebelum ini melaporkan, penduduk Program Perumahan Awam Desa Rejang meluahkan

rasa kecewa berikutan kerosakan lif berlarutan sejak 16 hari lalu tanpa tindakan sewajarnya daripada pihak pengurusan.

Masalah itu menjejaskan kehidupan harian penduduk, terutama warga emas, orang kurang upaya (OKU) serta mereka yang mempunyai anak kecil.

Menurut kenyataan itu lagi, pada 19 Disember lalu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Shariff ke lokasi kejadian bagi meninjau serta bertemu dengan penduduk yang terkesan seterusnya berusaha bagi mempercepatkan proses pemeriksaan untuk kelulusan lif terbabit.

Pantau perkembangan

Kelmarin, Datuk Bandar Kuala Lumpur mempengerusikan satu mesyuarat bersama Pengarah JKKP serta kontraktor yang bertanggungjawab menggantikan lif di PA Desa Rejang.

“Beberapa maklumat diperolehi daripada mesyuarat ini

Penduduk kecewa lif rosak sejak 16 hari lalu tanpa tindakan sewajarnya. (Foto fail NSTP)

antaranya kontraktor sudah melengkapkan dan menghantar permohonan bagi pemeriksaan satu unit lif di Blok D kepada pihak JKKP pada 30 Disember 2024 dan akan melakukan prapemeriksaan oleh Orang Yang Kompeten (Competent Person). “Pihak JKKP dijangka akan membuat pemeriksaan untuk kelulusan PMA ke atas unit lif di Blok D dalam minggu ini,” katanya.

DBKL berkata, secara keseluruhannya terdapat 38 lif di Perumahan Awam Desa Rejang, yang mana 18 daripadanya sedang dalam proses penggantian secara berperingkat melalui fasa pertama oleh kontraktor

yang dilantik, iaitu Tetuan Fuji DNDT Sdn Bhd.

Baki 20 lif yang sepatutnya beroperasi seperti sedia kala tidak dapat digunakan apabila hanya 14 unit yang boleh beroperasi ketika ini.

“Oleh itu, DBKL akan terus memantau perkembangan ini dengan teliti dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang gagal mematuhi jadual kerja yang ditetapkan.

“DBKL juga menyeru penduduk Perumahan Awam Desa Rejang untuk terus memberi kerjasama dan memahami usaha yang sedang dijalankan bagi menyelesaikan isu ini secepat mungkin,” katanya.